

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Pembiayaan Import-i (“IF-i”) sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan/atau perniagaan anda.)

## Pembiayaan Import-i



### 1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Import-i (“IF-i”) adalah kemudahan yang ditawarkan kepada syarikat yang dimiliki atau diusahakan oleh rakyat Malaysia yang memerlukan pembiayaan untuk import strategik barang khusus yang telah siap atau barang pengantara yang tidak terdapat di Malaysia.

Tujuan “IF-i” adalah untuk membayai import strategik yang terdiri daripada modal barang Halal, bahan mentah dan barang yang berkaitan untuk pembangunan, menaik taraf perkembangan kemudahan infrastruktur atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan pelanggan yang akhirnya akan mengurangkan pergantungan kepada import dan juga untuk projek inisiatif kerajaan.

### 2. Apakah kontrak/konsep Syariah yang diguna pakai?

Kontrak / konsep yang diguna pakai untuk Pembiayaan Import-i (“IF-i”) adalah ;

#### **Ijarah :**

*Ijarah* merujuk kepada kontrak dimana pindahan hak milik faedah asset kepada individu lain untuk tempoh tertentu sebagai pertukaran untuk pertimbangan tertentu.

#### **Murabahah:**

*Murabahah* merujuk kepada penjualan dan pembelian asset dimana kos perolehan dan tokokan didekahkan kepada pembeli.

#### **Tawarruq:**

*Tawarruq* merujuk kepada penjualan dan pembelian dengan dua peringkat transaksi. Pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli pada harga tertangguh. Kemudian, pembeli pada jualan pertama akan membeli aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta.

### 3. Apakah yang saya akan dapat dari produk ini ?

Harga Jualan	Matawang (      )* : _____ * Matawang yang diterima adalah USD, EURO, RM dan matawang lain yang bersesuaian.
Jumlah Pembiayaan	Matawang (      )* : _____ * Matawang yang diterima adalah USD, EURO, RM dan matawang lain yang bersesuaian.
Margin Pembiayaan	_____ %* *Sehingga 90% dari nilai pesanan import.
Tempoh	_____ Tahun* *Tempoh adalah tertakluk kepada kajian semula tahunan. Kemudahan ini mungkin secara pusingan atau berjangka sehingga 10 tahun.
Kadar Keuntungan Efektif	___% setiap tahun (COF-i + Sebaran)

<p><i>Contoh:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah Dibiayai : RM xxx</li> <li>• Kadar Keuntungan Bank (kadar keuntungan siling) : XX%</li> <li>• Kadar Keuntungan Efektif : COF-i + Sebaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Margin pembiayaan: XX%</li> <li>• Tempoh: XX tahun</li> <li>• Harga jualan Bank : RM xxx</li> </ul>
<p><i>Nota:</i> 1. Contoh diatas hanya bertujuan untuk penjelasan ilustrasi sahaja dan tidak menunjukkan kewajipan pembiayaan sebenar.</p> <p>2. Kadar keuntungan tertakluk kepada kos dana tambah sebaran. Sebaran adalah berdasarkan penarafan risiko syarikat dan pertimbangan – pertimbangan bukan kuantitatif yang lain.</p>	

#### 4. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

- Anda dikehendaki untuk membayar keuntungan pihak Bank berdasarkan jumlah penggunaan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ("EPR") semasa pihak Bank, yang mana tidak melebihi Kadar Siling ("CR") (Kadar Keuntungan maksimum yang dibenarkan).
- Dibawah konsep pembiayaan berkadar berubah, pihak Bank akan memberikan *iba'* keatas perbezaan diantara jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan CR dan jumlah keuntungan berdasarkan EPR.
- Anda dikehendaki untuk membuat bayaran penuh untuk bayaran keuntungan tertunggak dan bahagian utama daripada Harga Jualan Bank apabila tamat tempoh kemudahan dan berdasarkan jadual pembayaran yang telah disediakan atau dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- Anda hendaklah menyediakan cagaran tambahan sekiranya diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

#### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Fi Pemprosesan	Fi pemprosesan 1.0%* dari jumlah pembiayaan. (*) tertakluk kepada terma dan syarat. Tidak terpakai kepada PKS.
2.	Duti Setem	Seperti Akta Setem 1949 di Malaysia dan/atau keperluan penyeteman di negara lain (jika berkaitan)
3.	Caj SWIFT	RM70
4.	Fi Pengesahan Audit	RM100
5.	Fi Surat/Penyata Penebusan	RM50 (Pelanggan PKS)
6.	Fi Surat Sokongan	RM100 (Pelanggan PKS)
7.	Fi Guaman	Mengikut caj sebenar yang dikenakan oleh peguam
8.	Pos / Caj Penghantaran  <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mel Biasa</li><li>• Mel Berdaftar</li><li>• Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan</li></ul> <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mel Biasa</li><li>• Mel Berdaftar</li><li>• Perkhidmatan kiriman cepat</li></ul>	Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7  Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi
9.	Fi Broker <b>Nota:</b>	Hingga RM15 atau 15 setiap satu juta berdasarkan matawang pada setiap transaksi <i>Tawarruq</i> .

	Fi ini terpakai kepada produk berasaskan <i>Tawarruq</i> dalam memudahkan pembelian dan penjualan komoditi di Pelantar Perdagangan Komoditi	
10.	Perbezaan Terma dan Syarat Kemudahan	Min.RM300 (Tidak terpakai kepada pelanggan PKS)
Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawaian fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Islam. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.		
<b>6. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?</b>		
Kami akan mengenakan pampasan pembayaran lewat:		
<p><b><u>Sebelum Tarikh Matang</u></b></p> <p>Kerugian sebenar bank atau sehingga kadar satu peratus (1%) setahun:-</p> <p>i.keatas bayaran ansuran tertunggak semasa Tempoh Kemudahan; atau</p> <p style="padding-left: 40px;">Formula: Bayaran bayaran ansuran tertunggak x sehingga 1% x Bil. hari terlewat/ *365</p> <p>ii.keatas baki belum jelas apabila berlaku kemungkiran yang menyebabkan keseluruhan Kemudahan ditarik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang;</p> <p style="padding-left: 40px;">Formula: **Baki Belum Jelas x sehingga 1% x Bil. hari terlewat/ *365</p>		
<p><b><u>Selepas Tarikh Matang / Selepas Penghakiman</u></b></p> <p>Kerugian sebenar bank atau kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") atau kadar lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:-</p> <p>i.keatas baki belum jelas melampaui tempoh matang kemudahan; atau</p> <p style="padding-left: 40px;">Formula: **Baki Belum Jelas x IIMM% Semasa x Bil. hari terlewat /*365</p> <p>ii.keatas baki belum jelas selepas penghakiman walaupun tidak melaumpau tempoh matang Kemudahan.</p> <p style="padding-left: 40px;">Formula: ***Jumlah Penghakiman x IIMM% Semasa x Bil. hari terlewat / *365</p> <p>Pampasan untuk Pembayaran Lewat tidak akan digandakan.</p> <p><b>Nota:</b> *Berubah tertakluk kepada mata wang pembiayaan  **Baki Belum Jelas = Kos Belum Jelas + Keuntungan Terakru  ***Jumlah Penghakiman sama dengan Jumlah Belum Jelas</p>		
<b>7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?</b>		
Kami akan memberikan rebat ( <i>Ibra'</i> ) keatas:		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Keuntungan untuk perbezaan antara keuntungan pada CR setahun dan EPR semasa yang ditetapkan;</li> <li>Kos (Harga Belian Pihak Bank) dan keuntungan yang bersesuaian mengenainya sekiranya kemudahan tersebut tidak dikeluarkan sepenuhnya selepas tarikh luput tempoh ketersediaan; dan</li> <li>Keuntungan untuk penyelesaian awal terhadap Harga Jualan pihak Bank atau disebabkan oleh penamatkan kemudahan, penyusunan semula kemudahan. Sekiranya berlaku keingkaran, pembatalan, penebusan, pembayaran sebelum tarikh matang.</li> </ul>		
Formula <i>Ibra'</i> (rebат) untuk penyelesaian awal= Keuntungan Tertunda + <i>Ibra'</i> Sebenar kerana turun naik EPR (jika berkenaan) – caj penyelesaian awal (jika berkenaan)		
Jumlah Penyelesaian = Harga Jualan Belum Jelas + Ansuran Tertunggak + Pampasan Bayaran Lewat/ <i>Ta'widh</i> (jika berkenaan) – <i>Ibra'</i>		

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?**

Anda mungkin perlu memperuntukkan sijil Takaful termasuk semua hak projek dan manfaat kepada kami sebagai salah satu cagaran yang diterima oleh kami.

**9. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?**

- Kadar Keuntungan Efektif kami mungkin tertakluk kepada turun naik dalam tempoh pembiayaan. Walau bagaimanapun, kadar tersebut tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda untuk mendapatkan kembali keberhutangan yang antara lain termasuk, mendapatkan penghakiman dan penguatkuasaan penghakiman seperti writ penyitaan dan penjualan, yang digarnis, pembubaran dan tindakan kebankrapan.
- Kegagalan menjelaskan segala hutang terhadap pihak Bank dibawah kemudahan pembiayaan akan memberi kesan terhadap rekod penarafan kredit anda.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?**

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat  
Export-Import Bank of Malaysia Berhad  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469  
Laman Sesawang: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: +603-2174 1515  
Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Maklumat tambahan mengenai Pembiayaan Import-i boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my).

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469

**13. Apakah jenis produk pembiayaan rentas sempadan lain yang ditawarkan?**

- Pembiayaan Projek/Pelaburan Luar Negara-i
- Pembiayaan Pelaburan Luar Negara-i
- Pembiayaan Kontrak-i
- Pembiayaan Pembeli-i
- Pembiayaan Berjangka-i
- Pembiayaan Eksport Perkhidmatan-i

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT DENGAN TETAP**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.